

07/08/2003

Asean perlukan agensi media perbetul salah lapor Barat

ASEAN perlu ada sebuah agensi media yang dibentuk bersama wakil dari negara anggotanya bagi menyeimbangkan penyaluran maklumat mengenai perkembangan ekonomi dan politik di rantau ini.

Penyelidik Bersekutu di Keio University of Japan, Akiko Kato berkata, agensi media Asean itu akan berperanan menyalurkan berita berdasarkan perspektif Asean tanpa bergantung kepada agensi media Barat yang kewibawaan berita mereka diragui kerana sering kali memberikan maklumat yang tidak tepat mengenai situasi di rantau ini.

"Tidak dinafikan, media Barat menguasai penyaluran maklumat secepat kerana kedudukannya yang kukuh, bagaimanapun, maklumat yang disampaikan media Barat, hanya mengikut perspektif dan tanggapan mereka tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat setempat," katanya pada Kongres Asia Timur Pertama, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, sebagai contoh walaupun agensi berita terkemuka dunia, Reuters atau Agence France Presse (AFP) mempunyai wakil masing-masing di Asean, namun laporan yang dikemukakan lebih memihak kepada kepentingan Barat.

Beliau berkata, mereka gagal menyeimbangkan laporan mengenai keadaan sebenar di Asean.

"Kegagalan media Barat jelas ketika menyampaikan maklumat mengenai keadaan sebenar Asean berhadapan krisis ekonomi beberapa tahun lalu.

"Laporan media Barat menggambarkan bahawa ketidakstabilan politik dan krisis ekonomi di negara Asean boleh menyebabkan ekonomi mereka runtuh pada bila-bila masa," katanya.

Kato berkata, media Barat juga pernah menggambarkan Malaysia berada dalam keadaan sungguh kritikal dan ekonominya akan runtuh pada bila-bila masa jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menerajui kerajaan.

Bagaimanapun, Kato berkata, beliau terkejut apabila mendapati keadaan adalah sebaliknya apabila berpeluang menemubual Dr Mahathir untuk mendapatkan pandangan mengenai keadaan sebenar.

Beliau berkata, berikutan itu ketidakseimbangan dalam penyaluran berita itu jelas menunjukkan media Barat gagal memberi gambaran sebenar mengenai Asean dan pada masa sama menguasai dunia dengan penyaluran maklumat yang tidak tepat.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif China Central Television, Li Xiaoping yang menyokong saranan Kato berpendapat, penubuhan agensi media Asean dapat dilaksanakan menerusi kerjasama pengamal media di negara anggotanya.

Beliau berkata, pembentukan agensi media yang diwakili negara anggota Asean itu dijangka dapat mewujudkan penyaluran maklumat secara dua hala iaitu dari perspektif Barat dan Asean.